

Anwar tolak anggapan negeri pembangkang dianaktirikan

Putrajaya: Perdana Menteri menolak anggapan 'anak tiri' dalam Kerajaan MADANI membabitkan peruntukan kepada negeri termasuk yang ditadbir pembangkang.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebaliknya setiap keputusan yang dibuat adalah berdasarkan keperluan rakyat dan pembangunan seimbang di seluruh negara.

Justeru, katanya, isu peruntukan kepada negeri pembangkang tidak perlu dijadikan bahan politik kerana Kerajaan Persekutuan sudah membuktikan komitmennya selain sentiasa menambah peruntukan.

Katanya, begitu juga bagi Sabah yang mana pemberian khas kepada negeri itu ditingkatkan.

Perdana Menteri berkata, perkara itu perlu diterangkan di De-

wan Rakyat semalam kerana kerajaan tidak mahu menjadi mangsa tohmahan politik picisan yang mempersoalkan peningkatan peruntukan khas berkenaan.

"Tetapi tidak wajar untuk beberapa negeri yang dikuasai boleh pembangkang di Semenanjung yang mengatakan 'kami di-anak tiri, kami dizalimi' kerana kenyataannya berbeza," katanya.

Anwar berkata, Kerajaan MA-

DANI membuktikan tambahan peruntukan untuk Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis beberapa tahun ini kerana ada keperluan termasuk bencana banjir yang melanda negeri itu.

Beliau berkata, bencana banjir di Kelantan misalnya memerlukan lonjakan perbelanjaan peruntukan.

"Kita tidak boleh biarkan negeri yang kekurangan terus ke-

tinggalan hanya kerana berbeza pandangan politik. Ini soal keperluan rakyat dan amanah kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, pendekatan diambil Kerajaan MADANI mencerminkan amalan tadbir urus berintegriti yang mengambil kira keputusan berasaskan nilai dan tanggungjawab moral serta bukan pengaruh politik.